

N S M
National Museum
of Singapore

SG
60

Once Upon a Tide

SINGAPORE'S JOURNEY
From Settlement to Global City

24 May 2025 – 9 October 2026

PANDUAN GALERI

MAKLUMAN

Beberapa bahagian dalam galeri mempunyai pencahayaan yang malap, dan memaparkan projeksi video serta pemasangan yang kurang teguh. Sila berhati-hati semasa bergerak dalam galeri.

ETIKA GALERI

Makanan dan minuman tidak dibenarkan



Pengambilan gambar menggunakan 'flash' tidak dibenarkan



Jangan sentuh artifak



Barangan besar tidak dibenarkan. Sila bawa beg besar anda di hadapan



Sila bercakap dengan nada yang sederhana



Sila awasi kanak-kanak



0100

Pengenalan

Singapura merupakan sebuah keajaiban moden – sebuah negara bandar global yang berjaya dari segi ekonomi serta teguh berakar umbi dalam kepelbagaian budaya dan warisan Asia. Bagaimanakah kita sampai ke tahap ini, dan bagaimana kita telah mengubah diri serta menentukan takdir kita? Dan sepanjang perubahan ini, apakah yang kekal menjadi ciri identiti kita yang terus dizahirkan di dalam negara dan kepada dunia hari ini?

Dalam pameran khas sempena ulang tahun ke-60 kemerdekaan Singapura ini, kami membentangkan kisah perjalanan panjang Singapura – sebagai sebuah pulau yang berkait rapat dengan laut yang mengelilinginya, tentang sungai yang membentuk identitinya, dan tentang rakyatnya yang telah membina Singapura menjadi seperti yang kita kenali hari ini dan mencipta gelombang di tanah air serta di luar negara.

Kami mengundang anda untuk menyertai kami dalam perjalanan ini – untuk meneroka, melibatkan diri dan merenung. Sambil Singapura memandang ke hadapan pada apa yang bakal mendatang, maklum balas anda kepada soalan-soalan yang dikemukakan sepanjang pameran ini

melalui gelang tangan anda akan membantu anda, dan kami,
melakar jalan ke hadapan.

1000

Bab 1

Sentiasa ada di Peta

Adakah Singapura memang sudah senantiasa wujud selama ini? Ia bergantung pada bagaimana kita mentakrifkan “Singapura” dan menjejaki asal-usulnya. Jika kita mengira dari tahun kemerdekaannya pada 1965, Singapura merupakan sebuah negara yang berusia 60 tahun. Namun, bagaimana pula jika kita mempertimbangkan sejarahnya yang lebih panjang – ketika ia menjadi tanah jajahan 158 tahun yang lalu, atau sebuah penempatan Syarikat Hindia Timur Inggeris 206 tahun dahulu, mahupun sebuah kerajaan Melayu lebih 700 tahun dahulu?

Persoalan ini boleh diteroka dengan melihat cara Singapura dipetakan. Peta dan carta menunjukkan bagaimana orang-orang menjejaki laluan ke sesuatu tempat. Ia menggambarkan bagaimana sesebuah tempat difahami dalam konteks persekitarannya. Dalam paparan pembukaan ini, dengan memanfaatkan peta-peta sejarah Asia dan Asia Tenggara sebagai titik mula, kami menjemput anda menjejaki petunjuk-petunjuk keberadaan awal Singapura. Apakah nama-nama yang pernah digunakan untuknya, dan di manakah letaknya?

1100

Episod 1 **Dari Zaman Purba**

Apakah peta tertua yang memaparkan Singapura? Ia bergantung pada sejauh mana kita yakin bahawa Singapura boleh dikaitkan dengan tempat-tempat di sebuah rantau yang serupa, atau yang mempunyai nama yang seakan-akan sama bunyinya. Perkaitan terawal mungkin dikesan dalam karya ahli astronomi dan kartografi Yunani abad ke-2, Claudius Ptolemy, yang memetakan Semenanjung Tanah Melayu. Kemunculan Singapura yang lebih meyakinkan mula kelihatan pada peta yang dihasilkan daripada pelayaran Eropah ke Hindia Timur pada abad ke-16. Namun apa yang tetap menjadi persoalan ialah: apakah Singapura pada zaman tersebut, dan apakah yang diketahui mengenainya pada masa itu?

1200

Episod 2

Di Persimpangan Asia

Singapura tidak pernah wujud bersendirian. Sebaliknya, ia sentiasa menjadi sebahagian daripada entiti politik, empayar dan dunia yang lebih besar dan bertindih, serta dihubungkan dengan perdagangan dan budaya global. Hal ini jelas dalam konteks Asia, memandangkan penglibatan Singapura dalam rangkaian perdagangan Cina sejak abad ke-14 dan statusnya sebagai salah satu ibu kota serta pelabuhan utama dalam dunia Melayu. Rangka rantau sebegini boleh dilihat pada peta-peta dan artifak yang dipaparkan dalam bahagian ini.

1300

Episod 3

Pemetaan Selat Melaka dan Selat Singapura

Walaupun identiti geografi Singapura kurang jelas atau berubah-ubah dalam peta-peta terawal, pelbagai selat yang melalui Singapura mula ditunjukkan dengan jelas dalam carta-carta laut rantau ini menjelang akhir abad ke-18 berikutan misi tinjauan dan kemajuan dalam bidang hidrografi. Adalah menakjubkan apabila melihat begitu banyak perairan berjiranan Singapura telah pun dipetakan dan diketahui sebelum ketibaan Raffles dan Syarikat Hindia Timur di Singapura pada tahun 1819.

1400

Episod 4

Titik Ketibaan

Ketibaan Sir Stamford Raffles, Mejar William Farquhar dan Kapten Daniel Ross dari Syarikat Hindia Timur Inggeris di Singapura pada akhir Januari 1819 menandakan bermulanya penubuhan penempatan perdagangan syarikat tersebut di pulau ini. Berdasarkan peta terawal yang dihasilkan selepas ketibaan ini, yang dihasilkan semula untuk paparan di bahagian ini, dapat diperhatikan bagaimana identiti Singapura mula diperkukuh, sama ada melalui tinjauan dan pemetaan garis pantai dan pelabuhannya secara terperinci, mahupun ejaan namanya yang konsisten hingga ke hari ini.

2000

Bab 2

Jalan Sungai

Apakah peranan Sungai Singapura dalam sejarah negara kita? Perairan Singapura sentiasa memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah pulau ini. Sebagai sebahagian daripada laluan perdagangan Asia Tenggara dan Laluan Sutra Maritim sejak sekurang-kurangnya abad ke-14, Singapura berfungsi sebagai pelabuhan utama sepanjang laluan laut utama antara Asia Timur dan Eropah, dengan penempatan perdagangan yang dikenali di sepanjang Sungai Singapura. Legasi maritim purba ini mempengaruhi keputusan Sir Stamford Raffles untuk membangunkan Singapura sebagai pelabuhan strategik British pada abad ke-19.

Menyusuli pendaratan awal Raffles di tebing Sungai Singapura pada tahun 1819, kegiatan perdagangan berkembang dan tertumpu di kawasan ini sehingga pertengahan abad ke-20. Pihak British mengiktiraf sungai ini, perairan sekitarnya (dikenali sebagai Singapore Roads atau Roadstead) dan pelabuhan kemudian sebagai aset penting untuk perdagangan. Ia memacu pembangunan pesat pulau ini menjadi pelabuhan yang berkembang maju. Evolusi sungai ini mencerminkan transformasi Singapura dari

sebuah pelabuhan yang pesat berkembang kepada destinasi pelancongan yang bersinar seperti hari ini.

2100

Episod 1 **Kemasukan Kolonial**

Pada 28 Januari 1819, satu skuadron kapal Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC), diketuai oleh Stamford Raffles di atas kapal Indiana, berlabuh di Pulau St John dekat tanah besar Singapura. Diiringi Mejar William Farquhar dan sepoy (askar), Raffles menaiki bot ke tebing Sungai Singapura untuk bertemu dengan ketua tempatan, Temenggong Abdul Rahman.

Rundingan seterusnya untuk menguasai pulau ini sememangnya tidak saksama, memandangkan status EIC sebagai kuasa besar perdagangan, pentadbiran dan ketenteraan global. Selepas mencapai persetujuan dengan Temenggong, Raffles mengatur supaya Sultan Hussein Shah dari Johor dibawa dari Riau ke Singapura, di mana ketiga-tiga pihak menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Pakatan rasmi pada 6 Februari 1819.

Setelah menuntut Singapura sebagai penempatan British, EIC dengan segera menubuhkan pelabuhan perdagangan bebas yang mengalu-alukan lalu lintas laut dan aktiviti perdagangan. Farquhar dilantik sebagai Residen dan Komandan pertama Singapura. Di bawah pentadbiran beliau, Sungai Singapura telah berubah pesat menjadi sebuah hab

yang sibuk untuk pedagang dan pengembara dari pelbagai negara.

2200

Episod 2

Singapura: Persimpangan Dunia

Sedang Singapura menjadi pelabuhan yang sibuk pada separuh pertama abad ke-19, pembukaan Terusan Suez pada tahun 1869 yang mengukuhkan lagi kedudukannya sebagai persimpangan antara Timur dan Barat. Dalam tahun berikutnya, nilai perdagangan di Singapura meningkat lebih 80 peratus.

Laluan Suez memendekkan perjalanan antara Eropah dan Asia kerana kapal-kapal kini boleh memintas Cape of Good Hope dengan belayar melalui Mesir. Peralihan ini menjadikan kapal wap lebih popular daripada kapal layar untuk perjalanan Asia-Eropah, kerana kapal layar dikenakan bayaran untuk ditarik melalui terusan. Pembangunan Pelabuhan Baru berfungsi untuk menampung peningkatan jumlah kapal yang lebih besar di Singapura dan menyediakan perkhidmatan seperti memuatkan arang batu ke kapal dan pembaikan kapal. Pada masa yang sama, Sungai Singapura kekal sebagai tapak penting untuk pemunggahan dan pemindahan barangan, terutamanya barangan mentah yang besar seperti beras dan getah.

2300

Episod 3

Surat menyurat dan Pelancongan

Selama lebih satu abad, kapal merupakan kaedah utama untuk menghantar surat ke dan dari Singapura sebelum mel udara menjadi lebih mudah diakses dari tahun 1930an dan kemudian. Sebagai bentuk komunikasi utama dengan keluarga, rakan dan rakan kongsi perniagaan di luar negara pada masa itu, surat menyurat menjadi penghubung penting dengan dunia. Ia juga merupakan sumber utama berita antarabangsa yang sampai ke Singapura, terutamanya hingga rangkaian telegraf ditubuhkan sekitar tahun 1860an.

Sebelum kedatangan kapal wap, surat dan berita dari tempat-tempat seperti Britain, India dan China mengambil masa berbulan-bulan untuk sampai ke sini melalui laut. Walau bagaimanapun, menjelang 1845, kapal wap menghantar surat ke Singapura setiap bulan, sekaligus mempercepatkan proses komunikasi.

Kemudahan dan kebolehpercayaan kapal wap juga meningkatkan permintaan untuk perjalanan rekreasi daripada golongan yang berada yang berminat untuk menerokai destinasi "eksotik". Banyak kapal mel dan kargo kemudian mula menerima pelancong antarabangsa, dengan Singapura sebagai salah satu perhentian utama.

2400

Episod 4

Transformasi Kawasan Pesisiran

Sungai Singapura dan kawasan pesisirannya mengalami transformasi dramatik sepanjang abad ke-20, mencerminkan pembangunan pesat negara dan perubahan keutamaan ekonomi. Pada awal tahun 1900an, sungai itu merupakan saluran perdagangan yang sibuk dan penuh sesak dengan perahu-perahu, tebingnya dipenuhi dengan rumah kedai dan gudang. Menjelang pertengahan abad ini, bangunan pejabat, bank dan hotel yang lebih tinggi mula muncul, di samping sektor kewangan dan pelancongan Singapura yang semakin berkembang.

Tahun 1970an adalah permulaan perubahan ketara ke kawasan pantai sebagai sebahagian daripada usaha pembaharuan bandar. Pada tahun 1977, Perdana Menteri ketika itu, Lee Kuan Yew, melancarkan operasi pembersihan sungai secara besar-besaran selama sepuluh tahun, dengan menamatkan secara berperingkat atau memindahkan tongkang-tongkang, penjaja jalanan, setinggan, dan industri pencemaran-intensif seperti penternakan babi.

Menjelang 1990an, Sungai Singapura telah berubah menjadi pusat gaya hidup dan destinasi pelancongan yang meriah. Kawasan bersejarah seperti Boat Quay dan Clarke Quay telah

diperbaharui dan dipertingkatkan, dengan rumah-rumah kedai lama diubah menjadi restoran, bar dan tempat hiburan. Perkembangan baru seperti Marina Bay dan Esplanade seterusnya mengubah kawasan dermaga, mewujudkan landskap bandar dan latar langit yang dikenali di peringkat global.

3000

Bab 3

Meluaskan Ufuk

Berapa luaskah pertambahan saiz Singapura? Sejak ditubuhkan sebagai penempatan Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) pada tahun 1819, keluasan tanah Singapura telah berkembang kira-kira 25 peratus, daripada 578 kepada 736 kilometer persegi melalui usaha-usaha penambakan tanah. Bagi sebuah pulau kecil yang sentiasa berhadapan dengan masalah kekurangan tanah, perluasan fizikal ini telah meningkatkan potensi pembangunan dan mengubah hubungan kita dengan laut. Ia bermula pada awal pertubuhan pulau ini sebagai penempatan EIC, apabila penambakan tanah dijalankan di Sungai Singapura dan berterusan sepanjang tempoh penjajahannya, meliputi kawasan pesisiran dari Telok Ayer hingga Kallang. Namun begitu, hanya selepas kemerdekaan pada tahun 1965, usaha penambakan tanah Singapura meningkat secara besar-besaran lantas menambahkan lagi keluasan pulau ini. Sepanjang proses membentuk semula identiti fizikalnya, persoalan utama yang masih kekal—dan kini semakin relevan—ialah bagaimanakah tanah Singapura dapat digunakan sebaik mungkin pada masa kini dan pada masa hadapan?

3100

Episod 1

Pemetaan Awal Singapura

Sejauh manakah perairan, pesisiran pantai dan kawasan pedalaman Singapura telah diketahui dan direkodkan pada tahun 1819? Sewaktu Syarikat Hindia Timur Inggeris (EIC) membangunkan penempatan pelabuhan di sekitar Sungai Singapura, mereka turut menugaskan tinjauan awal dalam beberapa dekad selepas 1819 untuk mencatatkan pelabuhan, garis pantai dan topografi pulau ini. Tinjauan tersebut pada awalnya dikendalikan oleh pegawai-pegawai EIC, dan kemudiannya oleh penyelia kerja raya awam dan juruukur yang dilantik kerajaan. Maklumat yang dikumpulkan dan dimuatkan ke dalam peta daripada tinjauan ini sangat penting dalam perancangan awal bandar ini, dan merupakan sebahagian daripada usaha penjajahan yang lebih besar untuk menguasai tanah dan laut sekitar Singapura, walaupun dengan mengabaikan penduduk tempatan.

3200

Episod 2

Meratakan dan Meluaskan

Walaupun kita sering berfikir bahawa penambakan tanah adalah amalan moden, ia sebenarnya telah dilaksanakan di Singapura sejak abad ke-19, bermula dengan penambakan tebing selatan Sungai Singapura pada tahun 1822. Pada 1870an, Singapura memulakan projek penambakan tanah besar-besaran yang pertama di Telok Ayer Bay. Sebagai sebahagian daripada proses meratakan dan meluaskan ini, bukit-bukit berhampiran telah diratakan untuk meluaskan garis pantai melewati Telok Ayer Street, yang dahulunya berhadapan laut. Kini, kebanyakan kawasan tersebut menempatkan Daerah Perniagaan Pusat (CBD) Singapura. Projek-projek berikutnya pada zaman penjajahan termasuk tambakan tanah di Lembangan Kallang dan kawasan pesisiran di Beach Road. Walaupun perluasan garis pantai menambah tanah yang berguna untuk pembangunan, ini melibatkan, dalam beberapa kes, pemindahan masyarakat orang asli dan biodiversiti.

“Ada cerita tentang bagaimana Tuan Raffles dan Kolonel Farquhar bersama-sama berbincang cara terbaik untuk memperluas Penempatan ... Kemudian timbul idea pada Tuan Raffles bahawa bukit kecil berhampiran Tanjong

Singapura boleh dikorek dan tanahnya digunakan untuk menambak tebing di sebelah sungai ... Keesokan harinya, atas arahan Tuan Raffles dan Tuan Farquhar, orang mereka keluar mencari buruh Cina, Melayu dan India, dan kira-kira dua atau tiga ratus buruh dibayar satu rupee seorang sehari untuk menggali dan mengangkut tanah."

- Munshi Abdullah, Hikayat Abdullah, diterbitkan pertama kali pada tahun 1849

3300

Episod 3

Terus Berkembang Melewati Batasan

Walaupun terdapat usaha penambakan tanah yang signifikan pada zaman penjajahan, sebahagian besar aktiviti penambakan Singapura dilaksanakan oleh pemerintah pasca merdeka, dengan tambahan 138 kilometer persegi tanah antara 1965 dan 2015. Ini termasuk “Projek Tambakan Besar-Besaran” di East Coast—yang menghasilkan estet perumahan Marine Parade, East Coast Park dan Lebuh raya East Coast Park—serta penambakan Marina Bay bagi meluaskan lagi pusat bandar. Skala projek-projek ini mencerminkan pembangunan pesat Singapura pada tempoh ini dan permintaan yang semakin meningkat yang dikenakan ke atas sebuah pulau yang kecil. Menyedari kos dan batas penambakan, bahagian ini mempertimbangkan secara lebih menyeluruh bagaimana tanah boleh dioptimumkan – satu persoalan berterusan yang penting untuk kelangsungan dan kejayaan Singapura hari ini dan pada masa hadapan.

3400

Episod 4

Pasir yang Beralih

Aktiviti penambakan tanah Singapura sepanjang tahun telah menyokong keperluan pembangunan dan infrastruktur negara. Dalam usaha menambak tanah untuk menyokong pertumbuhannya, Singapura telah berusaha untuk membangun dan menggunakan pendekatan yang lebih mampan dalam melakukannya.

Siri fotografi artis tempatan, Sim Chi Yin, bertajuk "Pasir Yang Beralih" mendokumentasikan peranan pasir dalam penambakan tanah. Sebahagian daripada siri beliau dipersembahkan di sini, mengetengahkan rancangan berterusan Singapura dalam penambakan tanah dan pembinaan Pelabuhan Tuas, sebuah pelabuhan kontena automatik, pintar dan mampan yang dijangka menjadi yang terbesar di dunia di satu lokasi apabila siap pada tahun 2040an. Kepentingan memastikan pendekatan yang mampan telah mendorong usaha mencari penyelesaian inovatif berasaskan penyelidikan di Pelabuhan Tuas dan secara lebih meluas dalam pembangunan masa hadapan Singapura.

4000

Bab 4

Arus Manusia

Siapa yang membangunkan Singapura dan menjadikannya seperti hari ini? Untuk menjawab persoalan ini ialah untuk mengiktiraf masyarakat tempatan yang telah pun wujud di sini sejak abad ke-19, serta pelbagai golongan masyarakat dari serata dunia yang tiba ke pulau ini, termasuk keturunan mereka yang menetap di sini.

Kedudukan Singapura yang terletak di persimpangan laluan perdagangan global serta kemakmurannya telah menarik pelbagai lapisan masyarakat yang mencari peluang kehidupan yang lebih baik. Sepanjang abad ke-19 dan ke-20, ramai tiba melalui laluan laut sama ada di Jeti Johnston atau Pelabuhan Keppel. Walaupun sebahagian kecil tiba dengan mewah di kabin kelas pertama, kebanyakan yang lain merupakan penumpang kelas bawah atau penumpang dek yang hanya membawa sedikit pakaian dan harapan untuk masa hadapan yang lebih baik. Tanpa mengira status, para pendatang baru ini menyumbangkan tenaga kerja, kemahiran dan impian mereka untuk membangunkan negara serta memastikan kemajuannya yang berterusan.

Kisah-kisah pendatang generasi pertama yang dipersembahkan di sini merentasi abad ke-19 hingga hari ini.

Melalui kehidupan seharian dan kerja mereka, individu-individu ini secara kolektif membentuk landskap fizikal Singapura yang unik dan identiti sosial berbilang budaya negara ini.

4100

Episod 1

Penduduk awal yang berbilang budaya

Sejak abad ke-19, susulan penubuhan pusat perdagangan British di sini, catatan-catatan tentang Singapura sering menggambarkan kepelbagaian penduduk yang berkumpul di pelabuhan yang sentiasa sibuk.

Penjelajah dan penulis Inggeris Isabella L. Bird menulis mengenai Singapura pada tahun 1883: *"Kota ini bersinar dengan warna-warni dan pelbagai jenis pakaian... Setiap pakaian Timur dari Levant ke China dilihat di jalanan – jubah sutera, satin, broked dan muslin putih... Kaum Parsee dalam putih bersih, Yahudi dan Arab dalam sutera gelap yang mewah; Kaum Kling dalam merah dan putih gaya Turki; saudagar Bombay dengan serban putih besar... Kaum Melayu dengan sarung merah, Sikh dalam muslin Madras putih... dan orang Cina dari semua lapisan, daripada kuli berpakaian kain kapas biru atau coklat, hingga saudagar kaya dengan pakaian sutera lembut serta broked mewah..."**

Kepelbagaian penduduk Singapura pada abad ke-19 dan awal abad ke-20 turut dirakamkan melalui fotografi dan seni, walaupun karya-karya ini sering memaparkan perspektif Orientalis dan mengeksoikkan subjek yang digambarkan.

**Istilah “Kling” dan “Chinamen” dalam petikan ini masing-masing merujuk kepada masyarakat India Selatan dan Cina, tetapi kini istilah itu dianggap menghina dan tidak lagi digunakan oleh Muzium Negara di luar konteks dokumen sejarah.*

4200

Episod 2

Membina sebuah kota

Kebanyakan infrastruktur Singapura pasca-1819 dibina dengan titik peluh pekerja buruh pendatang dari India dan China, yang sebahagiannya telah tiba dengan sukarela, manakala yang lain pula dibawa masuk sebagai buruh paksa atau banduan. Kerja-kerja yang paling berat dan mencabar secara fizikal seperti membaiki jalan, membina jambatan dan menggali batu kebanyakannya dilakukan oleh banduan India, terutamanya antara tahun 1825 dan 1873. Walaupun pendatang terdahulu kebanyakannya lelaki, tahun 1920an hingga 1930an menyaksikan kemasukan pendatang wanita seperti wanita Samsui yang tiba sekitar masa yang sama dan biasa dilihat bekerja di tapak binaan sehingga tahun-tahun 1970an.

Kehidupan pendatang awal ini selalunya sukar, dengan waktu bekerja yang panjang. Mereka bekerja keras dan berkongsi tempat tinggal yang sempit dan tidak bersih. Namun mereka bertahan, didorong oleh janji gaji yang lebih baik daripada di tanah air mereka dan harapan untuk memperbaiki kehidupan keluarga mereka.

4300

Episod 3

Merentas kota

Para pendatang awal yang sanggup mengendalikan pengangkutan berintensif buruh telah memudahkan pergerakan di sekitar bandar pada abad ke-19. Kereta kuda dan beca merupakan pengangkutan darat utama pada masa itu. Becas merupakan pilihan yang paling berpatutan dan mudah didapati untuk kebanyakan penumpang, dan turut disewa oleh ahli perniagaan dan penjaja untuk mengangkut barangan mereka. Trem telah diperkenalkan pada akhir abad ke-19 dan bas awam hanya pada awal abad ke-20. Pelbagai pilihan ini menyumbang kepada sistem pengangkutan tempatan yang semakin berhubung dan mantap, menyokong aktiviti perniagaan dan komersil serta memudahkan perjalanan harian tatkala Singapura terus membangun dan berkembang.

4400

Episod 4

Melindungi rakyat

Singapura kini telah membina reputasi sebagai sebuah negara yang selamat dan teratur. Pasukan polis telah ditubuhkan pada awal tahun 1820, tidak lama selepas ia menjadi pusat perdagangan British. Menjelang pertengahan abad ke-19, pasukan itu menggaji lebih seratus anggota polis, yang terdiri terutamanya daripada orang Melayu dan India. Pasukan Sukarelawan Singapura (SVC), yang asalnya ditubuhkan oleh pendatang Eropah sebagai Kor Senapang Sukarelawan Singapura, turut membantu dalam menjaga keselamatan dalam negeri.

Walaupun SVC, yang kemudian berkembang menjadi Angkatan Pertahanan Rakyat pasca kemerdekaan Singapura pada tahun 1965, berfungsi sebagai pasukan pertahanan sukarela yang boleh dipercayai, ia mempunyai batasan. Oleh yang demikian, Perkhidmatan Negara telah diperkenalkan pada tahun 1967 untuk mengembangkan keupayaan pertahanan Singapura dengan lebih pantas melalui kerahan tenaga rakyat lelaki yang wajib.

Perlindungan kebakaran merupakan satu lagi aspek utama dalam pertahanan bandar Singapura. Memandangkan struktur kayu dan bumbung atap pada masa awal sangat mudah terbakar, peranan pegawai bomba amat penting dalam melindungi bandar ini kerana kebakaran besar masih sering berlaku sehingga dekad 1960an. Pasukan Bomba Singapura yang pertama telah ditubuhkan pada akhir abad ke-19 oleh pemilik ladang Eropah, dan kemudian menjadi briged profesional rasmi. Hari ini, penggantinya Angkatan Pertahanan Awam Singapura mempunyai mandat yang lebih luas untuk menyediakan perkhidmatan menyelamatkan dan perubatan kecemasan di samping memadam kebakaran.

4500

Episod 5

Menjaga sesama kita

Mereka yang datang ke Singapura untuk mencari kehidupan yang lebih baik kadangkala memilih, atau mendapati diri mereka melakukan pekerjaan berkaitan penjagaan yang meningkatkan kehidupan orang lain. Ramai daripada mereka adalah wanita yang menyokong wanita lain, seperti amah yang melakukan kerja-kerja rumah dan menjaga kanak-kanak, dan bidan yang menjaga kesihatan ibu. Satu kumpulan amah ialah *majie* (bermaksud "ibu dan adik perempuan" dalam bahasa Cina) – wanita dari Guangdong, China yang menjalani upacara *sor hei* (menyanggul rambut) di mana mereka akan mengepang atau mengikat rambut mereka menjadi sanggul, dan mengambil sumpah untuk hidup membujur. Di Singapura, mereka membina reputasi sebagai orang yang setia dan rajin, dengan ramai yang tinggal bersama keluarga yang sama selama beberapa dekad. Terdapat juga pembantu rumah Melayu dan India, yang lebih dikenali sebagai *ayah*. Hari ini, pembantu rumah warga asing dari pelbagai negara Asia terus menjadi tunggak penting tenaga kerja negara dengan menyokong keluarga Singapura dan keperluan penjagaan mereka, terutamanya bagi isi rumah yang semua orang dewasanya bekerja sepenuh masa.

4600

Episod 6

Pengalaman kontemporari para migran

Penghijrahan ke Singapura berterusan hari ini, dengan lebih 40 peratus penduduknya dalam beberapa tahun kebelakangan ini dilahirkan di luar negara, termasuk kira-kira 22,000 orang yang mengambil kerakyatan Singapura setiap tahun. Kelangsungan Singapura kini, seperti pada masa lalu, bergantung pada keterbukaan terhadap para pendatang dan kepelbagaian kemahiran serta pandangan yang mereka bawa. Para individu ini terus memainkan peranan penting dalam masyarakat dan ekonomi kita merentas pelbagai industri.

Walaupun setiap generasi pendatang menghadapi cabaran tersendiri, kebanyakan pengalaman teras pendatang dahulu masih terpancar dalam kehidupan pendatang masa kini, seperti impian dan kepayahan memulakan hidup baharu di negara asing, jauh daripada keluarga dan sahabat handai. Marilah kita melihat kehidupan beberapa pendatang baharu yang telah datang dan menyumbang kepada Singapura, sambil merenung pandangan anda sendiri tentang penghijrahan dan “warga asing” yang menjadi sebahagian penting dalam masyarakat kita.

5000

Bab 5

Mencetus Gelombang

Sepanjang sejarahnya, Singapura telah secara konsisten mencapai pencapaian yang luar biasa walaupun sebagai sebuah pulau yang kecil. Seperti yang dipaparkan dalam pameran ini, kejayaan cemerlang yang dicapai Singapura ini adalah hasil daripada hubungan yang kukuh dengan dunia luar sejak dahulu lagi. Sungai Singapura telah menjadi nadi utama perdagangan, perniagaan dan kebudayaan.

Memandangkan saiznya yang kecil, Singapura secara konsisten telah berusaha untuk meluaskan sempadan fizikalnya. Dengan dasar terbukanya, ia sentiasa menerima kehadiran pelbagai golongan pendatang yang telah turut membina dan membentuk Singapura menjadi seperti hari ini.

Namun, kisah Singapura juga dicirikan oleh pertumbuhan dan pembangunannya pasca kemerdekaan. Dalam bahagian terakhir ini, kami meneroka bagaimana Singapura sebagai sebuah negara kota global, dan rakyat Singapura sebagai warga kosmopolitan, telah memberi kesan kepada dunia, mencetus gelombang di peringkat serantau dan antarabangsa.

5100

Episod 1

Pentas Antarabangsa

Singapura telah diiktiraf sebagai peneraju dalam bidang diplomasi dan sebagai tempat yang dipercayai serta selamat untuk mengadakan acara-acara penting di peringkat serantau dan global.

5200

Episod 2

Kerja Berhati

Dalam menghadapi krisis kesihatan global dan bencana alam, Singapura telah memberi kesan besar di peringkat tempatan mahupun antarabangsa dalam menjaga mereka yang terjejas, termasuk melalui usaha-usaha kemanusiaan.

5300

Episod 3

Berani Berinovasi

Ketika Singapura memulakan perindustrian pesat dari 1960an, semangat inovasi berkembang dengan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan domestik yang mempunyai jangkauan serantau dan global yang lebih luas.

5400

Episod 4

Dari Tempatan ke Global

Walaupun bahasa dan makanan telah menjadi penanda identiti tempatan Singapura yang tersendiri, ia semakin mendapat pengiktirafan dan berkembang dari segi status dan populariti di seluruh dunia. Hari ini, Singlish – atau Bahasa Inggeris Singapura – telah dimasukkan dalam Kamus Bahasa Inggeris Oxford, dan budaya makanan penjaja Singapura telah diiktiraf dalam Senarai Warisan Kebudayaan Tidak Ketara UNESCO.

5500

Episod 5

Pencetus Gelombang

Warga Singapura dahulu dan sekarang telah meninggalkan kesan mereka kepada dunia dengan cara mereka tersendiri. Selain mendapat pengiktirafan di peringkat serantau dan antarabangsa, mereka telah membawa perubahan dengan menjadi perintis dalam bidang masing-masing, memimpin melalui kecemerlangan mereka, serta membuka jalan kepada warga Singapura yang lain untuk mengorak langkah mereka sendiri di peringkat global.

Kedua-dua dinding ini mempamerkan beberapa artifak penting yang telah disumbangkan kepada inisiatif Mengumpul Singapura Kontemporari kami. Ia memberi tumpuan kepada beberapa warga Singapura yang telah mencipta gelombang di dunia, dan mengiktiraf kejayaan mereka dalam bidang yang sering dianggap kurang diterokai, dari sukan, muzik dan fesyen.

** Adakah anda mempunyai cerita atau objek yang boleh menyumbang kepada pameran ini tentang rakyat Singapura luar biasa yang mencetus gelombang di dunia? Sebagai sebahagian daripada inisiatif Mengumpul Singapura*

Kontemporari kami, kami menjemput anda untuk menghubungi kami melalui kod QR di bawah.

6000

Kesimpulan

Apakah yang menanti kita pada masa hadapan, dan laluan apakah yang akan diambil oleh Singapura?

Seperti yang dipaparkan dalam pameran ini, adalah penting untuk Singapura terus menyesuaikan diri, berinovasi, dan kekal berdaya saing serta berhubung dengan dunia, sambil meraikan kepelbagaian kita, melindungi budaya unik dan semangat kekitaan, serta memastikan peluang untuk semua. Dengan tanah dan laut yang kita miliki, ia semakin mendesak untuk kita merintis laluan ke hadapan secara mampan, sambil menjaga alam sekitar dengan bertanggungjawab untuk generasi masa kini dan yang akan datang.

Masa hadapan kita sangat bergantung kepada sejauh mana kita dapat mengimbangi keperluan-keperluan berbeza ini. Mengimbas kembali perjalanan Singapura setakat ini, kita mempunyai sebab yang kukuh untuk berasa optimis. Walaupun saiz negara kita kecil dan tidak kira apa jua perkembangan serantau atau antarabangsa, Singapura sentiasa mencari jalan untuk bertahan dan terus maju.

Kisah Singapura masih terus ditulis, dan aspirasi yang telah anda catatkan membantu meluahkan harapan serta menyuarakan wawasan yang lebih besar tentang

kemungkinan masa hadapan. Terima kasih kerana menyertai kami dan menjadi sebahagian daripada perjalanan ini!